

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran-yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT sentiasa mendengar dan memahami keluh kesah pelajar dan keluarga mereka yang terkesan sepanjang lebih setahun pandemik COVID-19 ini melanda. Sehubungan itu, bagi meringankan bebanan mereka, Universiti Awam (UA) telah melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya, melalui pengurangan Yuran Perkhidmatan, Yuran Asrama, Yuran Konvokesyen dan Yuran Aktiviti Kolej di antara purata 10% ke 15% pada Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020.

Pengurangan yuran bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk semua pelajar warganegara Malaysia melibatkan peruntukan sebanyak RM75 juta yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan Kerajaan dan RM55 juta menggunakan sumber dalaman UA. Bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2020/2021 pula, pengurangan yuran sebanyak RM70.2 juta telah diberikan oleh Universiti Awam. Manakala bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2020/2021, pengurangan sebanyak RM40.5 juta telah diberikan. Inisiatif ini telah melibatkan implikasi kewangan yang dianggarkan berjumlah RM185.7 juta untuk manfaat 386,142 orang pelajar bagi ketiga-tiga semester.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meneruskan usaha untuk membantu pelajar yang terkesan dengan pandemik COVID-19, terkini semua UA telah bersetuju untuk memberikan pengurangan yuran Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara Malaysia. Pengurangan ini melibatkan nilai berjumlah RM175 juta dan dapat memberi manfaat kepada lebih kurang 555,340 pelajar. Pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% kali ini adalah lebih luas kerana ianya melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA.

Sekian, terima kasih.